



DUTA Jauhar USIM bergambar selepas meraih dua anugerah dalam Program Duta Jauhar Mahasiswa Johor Prihatin 2013/2014 di Johor, baru-baru ini.

Duta Jauhar USIM raih 2 anugerah

SEREMBAN 16 Jun - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus mendapat pengiktrafan di peringkat kebangsaan apabila dua Duta Jauhar berjaya meraih dua anugerah tertinggi dalam Program Duta Jauhar Mahasiswa Johor Prihatin 2013/2014 di Johor, baru-baru ini.

Kejayaan mereka dalam merangkul Anugerah Kumpulan Cemerlang membolehkan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM 1,000 dan sijil selain memenangi Pameran Terbaik melayakkan kumpulan pelajar itu memenangi RM 500 dan sijil.

Ketua Kumpulan Duta Jauhar USIM, Amir Hamzah Jamal, 23, berkata, kejayaan itu bukan sahaja tidak dijangka malah mengejutkan 15 orang ahli kumpulannya.

"Saya dan ahli kumpulan berhempas pulas untuk menjayakan Program Cintai Ilmu Masyarakat Orang Asli Segamat Kecil untuk menarik minat mereka dalam pendidikan membuah hasil dengan kejayaan ini," katanya yang juga pelajar dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

Program Mahasiswa Johor Prihatin adalah satu program cetusan idea o Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam membangunkan sosioekono-

mi rakyat Johor melalui penglibatan mahasiswa.

Program itu melibatkan seramai 300 mahasiswa Johor daripada 15 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk menjadi Duta Jauhar iaitu penggerak utama program berasaskan aktiviti sukarelawan yang berimpak tinggi terhadap pembangunan 10 daerah di Johor.

Majlis Perasmian Penutup Kongres Duta Jauhar 1.0 telah dirasmikan oleh Mohamed Khaled Dewan Sultan Iskandar Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Sementara itu Presiden Mahasiswa Anak Johor USIM, Muhammad Asyraf Amran berkata, Program Duta Jauhar 2.0 akan dilaksanakan dengan sebaiknya berbekalkan peruntukkan RM20,000 untuk membantu masyarakat di Johor.

"Peruntukan berkenaan akan digunakan bagi melihat cara dan bagaimana peranan mahasiswa ini nanti dapat meningkatkan taraf hidup dan pendidikan anak-anak.

"Kami bergerak sebagai satu pasukan yang mempunyai 15 orang ahli, justeru kami akan membantu dan berusaha menjadi insan al-Abrar selari dengan slogan USIM untuk menyampaikan ilmu kepada masyarakat," katanya.